

# PERUTUSAN PENGERUSI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh .



Untuk tahun 2012 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) telah melaksanakan urusan pengambilan bagi **14** skim perkhidmatan bagi mengisi **238** kekosongan pelbagai jawatan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang melibatkan sebanyak **10,936** permohonan.

SPN Selangor juga telah meluluskan **1** permohonan pelantikan pesara secara kontrak selepas bersara, **427** perakuan pengesahan dalam jawatan, **100** perakuan perlanjutan tempoh percubaan, **594** permohonan pemberian taraf berpencen, **22** permohonan pelarasan gaji dan terdapat **4** (empat) orang pegawai gagal disahkan dalam perkhidmatan dan telah diambil tindakan penamatan perkhidmatan di bawah Peraturan 47(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam Negeri Selangor (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Selain itu, SPN Selangor juga telah memperakukan **73** permohonan kenaikan pangkat secara tetap, **80** permohonan kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) bagi kumpulan sokongan yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam perkhidmatan yang sama dan **552** permohonan kenaikan secara 'Time Based'.

Pada tahun 2012 juga, SPN Selangor telah menguruskan sebanyak **26** kes Tatatertib dan **8** kes Rayuan Tatatertib. Keputusan-keputusan yang dibuat adalah melibatkan hukuman buang kerja dan turun pangkat atau hukuman lebih ringan selain daripada buang kerja atau turun pangkat.

SPN Selangor merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor dan Urusetia SPN Selangor serta pihak-pihak yang terlibat di atas kerjasama yang telah diberi sepanjang tahun 2012.

Wassalam.

( DATO' HAJI EMRAN BIN HAJI KADIR )

Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Negeri Selangor.  
Jun 2012

# PENUBUHAN DAN TANGGUNGJAWAB

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) ditubuhkan pada tahun 1960 mengikut Bab 10 Fasal 97(9) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Tanggungjawab Suruhanjaya, sepertimana diperuntukkan dibawah Bab 10 Fasal XCVII (9) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 adalah seperti berikut :-

“

**“Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang yang sedia ada dan kepada peruntukan-peruntukan Bahagian ini, maka adalah menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk melantik, mengesahkan dan memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, menaikkan pangkat, menukarkan dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya.”**

”

Sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa untuk menimbang dan memutuskan kes pelanggaran tatatertib dengan tujuan dikenakan hukuman turun pangkat atau buang kerja. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh menjatuhkan hukuman yang lebih ringan.

Sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa untuk menimbang dan memutuskan kes rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib di peringkat Daerah dan Jabatan Negeri dimana keputusan yang dibuat adalah muktamad.

# MISI, VISI DAN OBJEKTIF



Membantu Kerajaan Negeri dalam mewujudkan satu perkhidmatan awam yang bermutu tinggi.



Mendapatkan sumber tenaga manusia yang berkebolehan untuk berkhidmat selaras dengan cabaran masa dan kemajuan teknologi.



Melahirkan hasil kerja yang bermutu tinggi, berkesan dan telus untuk memenuhi keperluan 'stakeholders' dan pelanggan.

# PENGERUSI, TIMBALAN PENGURUSI AHLI-AHLI LEMBAGA DAN SETIAUSAHA SPN SELANGOR



## DUDUK DARI KIRI:

YBhg. Datuk Seri Abd Hakim bin Borhan  
**(Timbalan Pengerusi)**

YBhg. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir  
**(Pengerusi)**

Encik Amirudin bin Mad Yusof  
**(Setiausaha)**

## BERDIRI DARI KIRI:

YBhg. Dato' Haji Mohd. Nahwari bin  
Haji Hashim

YBhg. Dato' Mohd. Sharif bin Yusof

YBhg. Puan Haznah binti Hashim

YBhg. Tuan Haji Abd. Ghani bin Haji  
Zainuddin

YBhg. Tuan Haji Kasjoo bin Kadis

YBhg. Dato' Mohd. Yusof bin Shafie

## AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TERDIRI DARIPADA:

Seorang (1) Pengerusi

Seorang (1) Timbalan Pengerusi

Lapan (8) orang ahli  
(tidak boleh melebihi daripada lapan orang ahli)

Pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli adalah menurut budibicara DYMM Sultan Selangor setelah mendapat nasihat dari YAB Menteri Besar Selangor.

## AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2012

### **Pengerusi**

YBhg. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir, DSSA., AMN., SSA.

### **Timbalan Pengerusi**

YBhg. Datuk Seri Abd Hakim bin Borhan, SMW., DSIS., AMN., SSA., AMS., PPT.

### **Ahli-Ahli**

YBhg. Dato' Haji Mohd. Nahwari bin Haji Hashim, DSSA.

YBhg. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Yusof, DSIS., SSA., AMN.

YBhg. Dato' Mohd. Yusof bin Shafie, DSIS., SMS., ASA., AMN.

YBhg. Dato. Abd Bakir bin Hj Zin, DIMP

YBhg. Tuan Haji Kasjoo bin Haji Kadis, JBK., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK.

YBhg. Tuan Haji Abd. Ghani bin Haji Zainuddin, SSA., AMN.

YBhg. Puan Haznah binti Hashim, AMS., KMN., PPT.

YBhg. Puan Siti Ammarah binti Haji Ahmad, PPT.

## URUSETIA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2012

Urusetia SPN Selangor diketuai seorang Setiausaha dan 16 kakitangan sokongan seperti berikut:-

### **Setiausaha, PTD Gred M48**

- Encik Amirudin bin Mad Yusof

### **Penolong Pegawai Tadbir Gred N32**

- Puan Habibah binti Suhaimi

### **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FT29**

- Puan Noorhaizarinie binti Zaini

### **Pembantu Tadbir Kanan Gred N22**

- Encik Abdul Razak bin Hassan

### **Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W22 (KUP)**

- Encik Idris bin Mohamad

### **Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17**

- Cik Wan Nur Syahirah binti Azhar

### **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17**

- Puan Zaiyanah binti Zainudin
- Puan Hayati binti Miswan
- Encik Noorul Hasrul Ameen bin Abdul Rahman
- Puan Hameesah binti Samad
- Puan Siti Hawa binti Marsio
- Puan Zanariah binti Zainal
- Kosong

### **Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17**

- Cik Ainil Huda binti Mohd Saleh


### **Pemandu Kenderaan Gred R3**

- Encik Mohd. Taufek bin Tamel

### **Pembantu Am Rendah Gred N1**

- Encik Mohammad Azrul bin Shariff
- Kosong

# CARTA ORGANISASI SPN SELANGOR



## Peruntukan dan Perbelanjaan

Peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada SPN Selangor bagi tahun 2012 adalah sebanyak **RM1,349,013.70**. Daripada jumlah tersebut sebanyak **RM1,346,348.43** atau **99.80%** telah dibelanjakan seperti pecahan dalam **JADUAL 1**.

**JADUAL 1**  
Peruntukan Kewangan 2012

| Perkara       | Peruntukan (RM)     | Perbelanjaan (RM)   | Prestasi (%) |
|---------------|---------------------|---------------------|--------------|
| Tanggung      | 280,878.00          | 279,321.00          | 99.44        |
| Mengurus      | 1,068,135.70        | 1,067,027.43        | 99.89        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1,349,013.70</b> | <b>1,346,348.43</b> | <b>99.80</b> |

Peruntukan  
Tanggung  
RM280,878.00



Perbelanjaan  
RM279,321.00

Peruntukan Mengurus  
RM1,068,135.70



Perbelanjaan  
RM1,067,023.43



## Peruntukan Tanggungan

Di bawah maksud Tanggungan (T03), SPN Selangor telah diluluskan peruntukan berjumlah **RM280,878.00** bagi pembiayaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak **RM208,478.00** untuk Emolumen, **RM31,000.00** untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan **RM41,400.00** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh penutupan Akaun Awam tahun 2012 ialah **RM279,321.00** atau **99.44%**. Prestasi Perbelanjaan tanggungan bagi tahun 2012 adalah seperti dalam JADUAL 2.

**JADUAL 2**  
Pecahan Peruntukan Perbelanjaan Tanggungan

| Perkara                            | Peruntukan (RM)   | Perbelanjaan (RM) | Prestasi (%) |
|------------------------------------|-------------------|-------------------|--------------|
| Emolumen                           | 208,478.00        | 207,640.00        | 99.59        |
| Perkhidmatan dan Bekalan           | 31,000.00         | 30,281.00         | 97.68        |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 41,400.00         | 41,400.00         | 100.00       |
| <b>JUMLAH</b>                      | <b>280,878.00</b> | <b>279,321.00</b> | <b>99.44</b> |



**Peruntukan  
Tanggungan:**

**RM280,878.00**



**Perbelanjaan  
Tanggungan:**


**RM279,321.00**

## Peruntukan Mengurus

Sebanyak **RM1,068,135.70** telah diperuntukkan di bawah maksud bekalan (B07) bagi pembayaran kakitangan Urusetia SPN Selangor dan lain-lain perbelanjaan mengurus. Dari jumlah itu sebanyak **RM548,072.74** untuk Emolumen, **RM527,396.00** untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan **RM1,010.00** untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam tahun 2012 ialah **RM1,067,027.43** atau **99.89%**. Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2012 adalah seperti dalam **JADUAL 3**.

**JADUAL 3**  
Pecahan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus

| Perkara                            | Peruntukan (RM)     | Perbelanjaan (RM)   | Prestasi (%) |
|------------------------------------|---------------------|---------------------|--------------|
| Emolumen                           | 548,072.74          | 547,670.78          | 99.92        |
| Perkhidmatan dan Bekalan           | 519,052.92          | 518,356.65          | 99.86        |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 1,010.00            | 1,000.00            | 99.00        |
| <b>JUMLAH</b>                      | <b>1,068,135.70</b> | <b>1,067,027.43</b> | <b>99.89</b> |



## Mesyuarat Suruhanjaya

Sebanyak **13** mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor, **9** Mesyuarat Lembaga Tatatertib dan **6** Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib telah diadakan sepanjang tahun 2012 bagi membincang dan meluluskan urusan-urusan di bawah bidang kuasa SPN Selangor seperti berikut :-

|                                                                                      |           |
|--------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. <b>Peruntukan dan Perbelanjaan</b>                                                | Jadual 1  |
| 2. <b>Peruntukan dan Perbelanjaan Tanggungan</b>                                     | Jadual 2  |
| 3. <b>Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus</b>                                       | Jadual 3  |
| 4. <b>Pengambilan /Pelantikan Penjawat Awam Baru</b>                                 | Jadual 4  |
| 5. <b>Pengesahan Dalam Jawatan</b>                                                   | Jadual 5  |
| 6. <b>Pelanjutan Tempoh Percubaan</b>                                                | Jadual 6  |
| 7. <b>Pemberian Taraf Berpencen</b>                                                  | Jadual 7  |
| 8. <b>Urusan Pelarasan Gaji Permulaan</b>                                            | Jadual 8  |
| 9. <b>Penamatan Perkhidmatan</b>                                                     | Jadual 9  |
| 10. <b>Kenaikan Pangkat Secara Tetap</b>                                             | Jadual 10 |
| 11. <b>Kenaikan Pangkat Secara Khas Untuk Penyandang (KUP) 15 Tahun Perkhidmatan</b> | Jadual 11 |
| 12. <b>Kenaikan Pangkat Secara 'Time Based'</b>                                      | Jadual 12 |
| 13. <b>Urusan Pertukaran Perkhidmatan</b>                                            | Jadual 13 |
| 14. <b>Pelantikan Pesara Secara Kontrak</b>                                          | Jadual 14 |
| 15. <b>Urusan Tatatertib</b>                                                         | Jadual 15 |
| 16. <b>Urusan Rayuan Tatatertib</b>                                                  | Jadual 16 |
| 17. <b>Penyediaan Laporan Tahunan</b>                                                |           |

## Urusan Pengambilan Bagi Pelantikan Penjawat Awam Baru Sepanjang Tahun 2012

Pada tahun 2012, sebanyak **80** Lembaga Temuduga telah diwujudkan untuk menguruskan perlantikan penjawat awam baru bagi **14** skim perkhidmatan yang membabitkan **236** kekosongan jawatan di pelbagai jabatan. Sila rujuk JADUAL 4.

**JADUAL 4**  
Pelantikan Penjawat Awam Baru

| Bil.   | Skim Perkhidmatan                                          | Klasifikasi Perkhidmatan | Jumlah Kekosongan | Jumlah Pemohonan | Jumlah Calon Berjaya | Jumlah Calon Simpanan |
|--------|------------------------------------------------------------|--------------------------|-------------------|------------------|----------------------|-----------------------|
| 1.     | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41         | Pendidikan               | 12                | 1265             | 12                   | 12                    |
| 2.     | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma Gred DGA29 | Pendidikan               | 50                | 1617             | 50                   | 45                    |
| 3.     | Penolong Jurutera (Awam) Gred J29                          | Kejuruteraan             | 6                 | 578              | 6                    | 7                     |
| 4.     | Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred J29                     | Kejuruteraan             | 1                 | 435              | 1                    | 3                     |
| 5.     | Penolong Pegawai Tanah Gred NT27                           | Pentadbiran dan Sokongan | 24                | 828              | 23                   | 23                    |
| 6.     | Penolong Pegawai Veterinar Gred G27                        | Pertanian                | 6                 | 293              | 6                    | 2                     |
| 7.     | Pembantu Veterinar Gred G17                                | Pertanian                | 20                | 750              | 20                   | 15                    |
| 8.     | Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17                       | Pentadbiran dan Sokongan | 13                | 1546             | 13                   | 15                    |
| 9.     | Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17                         | Pentadbiran dan Sokongan | 7                 | 1710             | 7                    | 8                     |
| 10.    | Juruteknik (Awam) Gred J17                                 | Kejuruteraan             | 52                | 719              | 52                   | 51                    |
| 11.    | Juruteknik (Mekanikal) Gred J17                            | Kejuruteraan             | 1                 | 421              | 5                    | 5                     |
| 12.    | Juruteknik (Ukur Bahan) Gred J17                           | Kejuruteraan             | 1                 | 284              | 1                    | 7                     |
| 13.    | Renjer Hutan Gred G17                                      | Pertanian                | 13                | 450              | 5                    | 1                     |
| 14.    | Pengawas Hutan Gred G11                                    | Pertanian                | 53                | 45               | 45                   | 0                     |
| JUMLAH |                                                            |                          | 259               | 10,941           | 241                  | 194                   |

- Bil.2 - Kekosongan asal 58, pelarasan kepada 50 calon berjaya selepas JAIS melaksanakan 're-org' [Jumlah = 50]
- Bil.3 - Kekosongan asal/berjaya 1, permohonan calon simpanan 5 [Jumlah = 6]
- Bil.5 - Kekosongan asal/berjaya 23, permohonan calon simpanan 1 [Jumlah = 24]
- Bil.7 - Kekosongan asal 15, permohonan calon simpanan lagi 5 [Jumlah = 20]
- Bil.10 - Kekosongan 31, permohonan calon simpanan 21 [Jumlah = 52]
- Bil.13 - 6 calon yang layak dipanggil temuduga, 5 berjaya manakala 1 gagal [Jumlah = 5]
- Bil.14 - 45 calon yang layak dipanggil temuduga daripada 53 kekosongan, 5 menolak tawaran [Jumlah = 40]

## Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Sebanyak **427** perakuan pengesahan dalam perkhidmatan telah diterima dan kesemuanya telah disahkan sepanjang tahun 2012 seperti di JADUAL 5.

**JADUAL 5**  
Pengesahan Dalam Perkhidmatan

| <b>Bil.</b> | <b>Skim Perkhidmatan</b>                                 | <b>Bilangan Permohonan</b> |
|-------------|----------------------------------------------------------|----------------------------|
| 1.          | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41       | 1                          |
| 2.          | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG27 | 1                          |
| 3.          | Juruteknik Komputer Gred FT17                            | 3                          |
| 4.          | Pengawas Hutan Gred G11                                  | 5                          |
| 5.          | Pembantu Perikanan Gred G17                              | 1                          |
| 6.          | Pembantu Pertanian Gred G17                              | 3                          |
| 7.          | Pembantu Veterinar Gred G17                              | 16                         |
| 8.          | Penolong Pegawai Pertanian Gred G27                      | 3                          |
| 9.          | Penolong Pegawai Veterinar Gred G27                      | 1                          |
| 10.         | Pelukis Pelan Gred J17                                   | 2                          |
| 11.         | Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17            | 3                          |
| 12.         | Juruteknik Gred J17                                      | 18                         |
| 13.         | Penolong Jurutera Gred J29                               | 3                          |
| 14.         | Pengawal Keselamatan Gred KP11                           | 8                          |
| 15.         | Pembantu Syariah Gred LS17                               | 6                          |
| 16.         | Penolong Pegawai Syariah Gred LS27                       | 2                          |
| 17.         | Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                          | 1                          |
| 18.         | Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17                     | 3                          |
| 19.         | Juruaudio Visual Gred N17                                | 1                          |
| 20.         | Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17                       | 5                          |
| 21.         | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/Penyelenggara Setor       | 2                          |
| 22.         | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17                           | 136                        |
| 23.         | Pembantu Am Pejabat Gred N1                              | 25                         |
| 24.         | Pengawas Kanan Gred N17                                  | 1                          |
| 25.         | Setiausaha Pejabat Gred N27                              | 3                          |
| 26.         | Penghantar Notis Gred N3                                 | 7                          |
| 27.         | Penghulu Gred NP27                                       | 1                          |
| 28.         | Penolong Pegawai Tanah Gred NT27                         | 15                         |
| 29.         | Penolong Pegawai Tanah Gred NT32                         | 1                          |

| <b>Bil.</b>   | <b>Skim Perkhidmatan</b>                  | <b>Bilangan Permohonan</b> |
|---------------|-------------------------------------------|----------------------------|
| 30.           | Tukang K2 Gred R11                        | 3                          |
| 31.           | Pekerja Awam Gred R1                      | 59                         |
| 32.           | Pekerja Awam Khas Gred R3                 | 4                          |
| 33.           | Pemandu Kenderaan Gred R3                 | 4                          |
| 34.           | Tukang K3 Gred R9                         | 1                          |
| 35.           | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam Gred S11  | 1                          |
| 36.           | Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17  | 3                          |
| 37.           | Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17         | 55                         |
| 38.           | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 | 9                          |
| 39.           | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17       | 11                         |
| <b>JUMLAH</b> |                                           | <b>427</b>                 |

## Pelanjutan Tempoh Percubaan

Sebanyak **101** permohonan perlanjutan tempoh percubaan telah diterima dan sebanyak **100** permohonan telah diluluskan. Maklumat lanjut mengenai jawatan yang terlibat adalah seperti di JADUAL 6.

**JADUAL 6**  
Pelanjutan Tempoh Percubaan

| <b>Bil.</b>   | <b>Skim Perkhidmatan</b>                  | <b>Bilangan Permohonan</b> |
|---------------|-------------------------------------------|----------------------------|
| 1.            | Pengawas Hutan Gred G11                   | 2                          |
| 2.            | Pembantu Perikanan Gred G17               | 1                          |
| 3.            | Pelukis Pelan Gred J17                    | 4                          |
| 4.            | Juruteknik Gred J17                       | 5                          |
| 5.            | Penolong Jurutera Gred J29                | 1                          |
| 6.            | Pengawal Keselamatan Gred KP11            | 1                          |
| 7.            | Penolong Pegawai Syariah Gred LS27        | 3                          |
| 8.            | Pembantu Tadbir Rendah Gred N11/Jurutaip  | 1                          |
| 9.            | Pembantu Am Pejabat Gred N1               | 1                          |
| 10.           | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17            | 18                         |
| 11.           | Pembantu Penguatkuasa Gred N17            | 1                          |
| 12.           | Penghantar Notis Gred N3                  | 1                          |
| 13.           | Penghulu Gred NP27                        | 1                          |
| 14.           | Pekerja Awam Gred R1                      | 31                         |
| 16.           | Pemandu Kenderaan Gred R3                 | 3                          |
| 17.           | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam Gred S11  | 1                          |
| 18.           | Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17         | 12                         |
| 19.           | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 | 11                         |
| 20.           | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17       | 3                          |
| 21.           | Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17        | 5                          |
| <b>JUMLAH</b> |                                           | <b>101</b>                 |

## Pemberian Taraf Berpencen

Seramai **597** orang Penjawat Awam pelbagai perkhidmatan telah diberi taraf berpencen sepanjang tahun 2012. Maklumat lanjut mengenainya adalah seperti di JADUAL 7.

**JADUAL 7**  
Pemberian Taraf Berpencen

| Bil.          | Skim Perkhidmatan                                        | Bilangan Permohonan |
|---------------|----------------------------------------------------------|---------------------|
| 1.            | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah Gred DG27 | 17                  |
| 2.            | Juruteknik Komputer Gred FT17                            | 2                   |
| 3.            | Pembantu Veterinar Gred G17                              | 31                  |
| 4.            | Pembantu Perikanan Gred G17                              | 1                   |
| 5.            | Penolong Pegawai Veterinar Gred G27                      | 3                   |
| 6.            | Penolong Pegawai Pertanian Gred G27                      | 1                   |
| 7.            | Pelukis Pelan Gred J17                                   | 22                  |
| 8.            | Juruteknik Gred J17                                      | 35                  |
| 9.            | Penolong Jurutera Gred J29                               | 2                   |
| 10.           | Pembantu Syariah Gred LS17                               | 25                  |
| 11.           | Penolong Pegawai Syariah Gred LS27                       | 7                   |
| 12.           | Amah Gred N1                                             | 1                   |
| 13.           | Pembantu Tadbir Rendah Gred N11                          | 1                   |
| 14.           | Pembantu Perpustakaan Gred N17                           |                     |
| 15.           | Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17                       | 3                   |
| 16.           | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17                           | 72                  |
| 17.           | Pembantu Am Pejabat Gred N1                              | 12                  |
| 18.           | Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17                     | 1                   |
| 19.           | Penghulu Gred NP27                                       | 1                   |
| 20.           | Pekerja Awam Gred R1                                     | 233                 |
| 21.           | Pemandu Kenderaan Gred R3                                | 9                   |
| 22.           | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam Gred S11                 |                     |
| 23.           | Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17                        | 59                  |
| 24.           | Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17                 | 1                   |
| 25.           | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27                | 44                  |
| 26.           | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17                      | 12                  |
| <b>JUMLAH</b> |                                                          | <b>597</b>          |



## Pelarasan Gaji Permulaan

Sepanjang tahun 2012, sebanyak **29** permohonan pelarasan gaji telah diterima. Sebanyak **22** permohonan diluluskan dan **7** permohonan ditolak. Antara sebab-sebab permohonan ditolak adalah seperti berlainan skim perkhidmatan semasa dan skim perkhidmatan jawatan dahulu, pelarasan gaji yang sememangnya teratur semasa ditawarkan jawatan, sijil akademik yang tidak memerlukan pelarasan gaji dan perkhidmatan tidak cukup setahun semasa menjawat jawatan kontrak. Sila lihat JADUAL 8.

**JADUAL 8**  
Pelarasan Gaji Permulaan

| Bil.   | Skim Perkhidmatan                                        | Bilangan |       |       |
|--------|----------------------------------------------------------|----------|-------|-------|
|        |                                                          | Mohon    | Lulus | Tolak |
| 1.     | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma Gred DGA29 | 3        |       | 3     |
| 2.     | Juruteknik Gred J17                                      | 2        | 2     |       |
| 3.     | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17                           | 9        | 8     | 1     |
